

Tajuk : Ekspo pendidikan dan kemahiran teknikal aktiviti PGBS

Isnin, 2 April 2012 **Utusan Borneo** | A3

## *Ekspo pendidikan dan kemahiran teknikal aktiviti tahunan PGBS*

**PERSATUAN** Graduan Bumiputera Sibu (PGBS) akan menjadikan Ekspo Pendidikan dan Kemahiran Teknikal sebagai aktiviti tahunan persatuan dalam usaha menyediakan platform kepada bakal dan lepasan sekolah untuk mendapatkan maklumat terkini program lanjutan pendidikan dan kemahiran teknikal.

Yang Dipertua PGBS Shahrizal Azhar berkata, persatuan turut akan memperbanyak kaunter khidmat kaunseling dan khidmat runding biasiswa insititusi berkenaan dalam membantu menyalurkan maklumat dan jenis bantuan kewangan yang ditawarkan kepada bakal pelajar yang akan melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi.

"Menjadi harapan persatuan untuk menyebarkan maklumat terkini program lanjutan pendidikan dan kemahiran teknikal yang ditawarkan institusi pengajian tinggi swasta dan awam kepada mereka yang bakal melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi," jelasnya.

Ketika ditemui pemberita, Shahrizal berkata, 15 kaunter khidmat kaunseling disediakan di ekspo sehari bermula jam 8 pagi hingga 5 petang di Dewan MUC, Kampung Bandong.

"Beberapa institusi pengajian dan kemahiran telah dijemput bagi menjayakan ekspo yang julung kalinya dianjurkan.

"Setakat ini, kami menerima sambutan menggalakkan daripada bakal dan lepasan sekolah, ibu bapa dan guru sekolah," ujar beliau.

Antara institusi terlibat ialah Kolej ITA, Politeknik Kampus Mukah, Adtec Kampus Bintulu, PPKS Kuching, UPM Kampus Bintulu, Sarawak Maritime Academy, Majlis Amanah Rakyat (MARA), IKBN Miri, Universiti Malaysia Sarawak, Pelita Maslaut, Akademi Binaan Malaysia dan sebagainya.

"Institusi-institusi yang dijemput ini adalah di kalangan yang telah menerima pengiktirafan daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Jabatan Laut Malaysia," katanya.

PGBS turut menjemput

Tabung Baitulmal Sarawak dan Yayasan Sarawak bagi memberi penerangan mengenai bantuan-bantuan kewangan yang disalurkan kepada bakal pelajar yang akan melanjutkan pelajaran mereka.

"PGBS juga akan menyediakan perkhidmatan pengesahan salinan-salinan sijil dan dokumen pelajar untuk tujuan permohonan ke institusi pengajian tinggi awam atau swasta," jelas Shahrizal.

Menyentuh mengenai PGBS, beliau memberitahu persatuan adalah sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang telah ditubuhkan pada 2001 serta diilhamkan oleh ahli Dewan Undangan Negeri Nangka Dr Annuar Rapae, yang kini merupakan penaung PGBS.

Salah satu objektif penubuhan PGBS jelas Shahrizal, adalah untuk menyatukan golongan intelektual dan profesional Bumiputera di Sibu untuk berganding bahu dengan kerajaan dalam agenda pembangunan negara.



**DIBIMBING:** Pengunjung ekspo mendapatkan khidmat kaunseling pendidikan yang ditawarkan institusi pengajian tinggi.